



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

#### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**12 Ramadhan 1441 / 06 Mei 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu, 12 Ramadhan 1441H bersamaan 06 Mei 2020M, **satu kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini seramai 139 orang.**

- **Kes 139** ialah seorang lelaki berumur 40 tahun. Kes ini dikesan berikutan surveilan yang dilakukan di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk pekerja asing. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesahan kontak juga masih giat dilaksanakan.

2. Sementara itu, **tidak ada kes** disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 131 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat

di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai **7 kes**. Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **30 orang** masih menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,551 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 144 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 14,754 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **2 kes** yang sedemikian telah disahkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes yang sedemikian seramai **24 kes** kesemuanya.

6. Sehubungan dengan pengesahan kes baru pada hari ini, Kementerian Kesihatan dengan ini ingin mengingatkan dan menekankan lagi kepentingan bagi orang ramai untuk terus berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengamalkan dan membudayakan langkah-langkah pencegahan seperti yang telah disarankan terutama sekali untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dan tidak beramai-ramai mengunjungi ke satu tempat serta hanya keluar rumah jika perlu. Ini disamping mengamalkan kebersihan diri seperti kerap mencuci tangan dan etika batuk dan bersin yang betul.
  
7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

**Selamat menuaikan ibadah puasa. Dan marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu WaTa'Ala memberikan kesembuhan kepada semua pesakit terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan semoga kita semua mendapat keberkatan serta segala amalan kita di terima dibulan yang mulia ini. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamiin**

**- TAMAT -**

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 12 Ramadhan 1441H / 06 Mei 2020